



Majlis Daerah Tampin,,
73000 Tampin, Negeri Sembilan, Malaysia
Telefon : 06 441 1601/441 1609
Faks: 06 441 3001
mdt@mdtampin.gov.my


IKLAN SEWAAN HARTA KHAS MAJLIS DAERAH TAMPIN

BUKA IKLAN : 7 MEI 2025
TUTUP PERMOHONAN : 30 JUN 2025

BIL	LOKASI	STATUS	KELUASAN TAPAK	HARGA LANTAI (RM)
1	Rumah Sembelihan Lot 1588 (PT 386) PM216, Mukim Repah, Tampin	Terbuka	1.25 Ekar	500.00

1. Permohonan adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang berminat untuk menyewa Tapak Rumah Sembelihan di Lot 1588 (PT 386) PM216, Mukim Repah, Tampin seperti pelan di **lampiran 1**.
2. Ringkasan syarat sewaan adalah seperti di **lampiran 2**.
3. Pemohon mesti menghantar cadangan kertas kerja kepada pihak Majlis Daerah Tampin bersama borang permohonan sewaan.
4. Harga lantai sewaan seperti yang tertera, sewaan menggunakan kaedah pelawaan harga / bidaan. Permohonan yang menepati syarat kelayakan, mempunyai cadangan kertas kerja yang terbaik dan menawarkan pelawaan harga sewa yang tertinggi akan dipilih.
5. Sila berhubung dengan pegawai untuk lawatan tapak.
6. Borang permohonan boleh didapati di kaunter Pejabat Majlis Daerah Tampin & Cawangan Gemas. Maklumat lanjut sila hubungi Muhammad Ariff di talian 06 - 4411601 / 5355.

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TAMPIN



Lampiran 2

Ringkasan syarat-syarat sewaan tapak sembelihan di Lot 1588 (PT 386) PM216, Mukim Repah, Tampin.

1. Tapak hanya boleh digunakan sebagai rumah sembelihan sahaja dan sepenuhnya diserahkan kepada penyewa untuk diuruskan dengan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Tertakluk kepada Akta Binatang 1953 & Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan lain-lain Unggas di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, Kod Amalan Kebajikan Haiwan Aktiviti Penyembelihan Unggas dan Akta Rumah Penyembelihan (penswastaan) 1993 dan lain-lain yang terlibat mengikut jenis haiwan.
2. Penyewa sepenuhnya menanggung segala kos menyelenggara, membaikpulih dan mengawal selia tanpa meletakkan apa-apa tanggungan kos ke atas Majlis Daerah Tampin (MDT).
3. Penyewa juga perlulah melantik syarikat operator bagi menguruskan keselamatan pusat sembelihan.
4. Sebarang kerja pembinaan dan baik pulih terhadap tapak sewaan atau bangunan sedia ada perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak MDT.
5. Tempoh pajakan selama 12 tahun selama 4 penggal iaitu setiap penggal adalah 3 tahun atau mengikut mana-mana cadangan yang munasabah yang boleh dipertimbangkan oleh MDT.
6. Kebenaran sewaan adalah tertakluk kepada persetujuan terhadap perjanjian & kelulusan pelan antara pihak penyewa dan MDT.